

AIA bantu tangani isu kesihatan mental pekerja

AIA, ThoughtFull bekerjasama beri perlindungan hujung ke hujung

Kuala Lumpur: AIA Malaysia telah melancarkan penyelesaian kesihatan mental yang pertama dalam pasaran bagi membantu organisasi menangani masalah kesihatan mental di tempat kerja dengan lebih baik.

Menurut rekod, prevalens masalah kesihatan mental terus mencatatkan peningkatan di mana ia boleh menjelaskan setiap aspek kehidupan seseorang itu, terutamanya di tempat kerja.

Kajian oleh Relate Malaysia mendapati, pada tahun 2018, seramai 4.57 juta orang dewasa yang bekerja mengalami masalah kesihatan mental dengan 29 peratus daripada pekerja menunjukkan tahap kesihatan mental yang sangat rendah.

Selain itu, pada 2019, tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat di Malaysia oleh AIA Vitality mendapati, semakin ramai tenaga kerja di Malaysia tidak mendapat tidur secukupnya dan kerja secara berlebihan, dengan 51 peratus daripada mereka mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi tekanan atau stres berkaitan kerja dan 53 peratus mendapat tidur kurang daripada tujuh jam sehari.

Justeru, AIA bekerjasama dengan ThoughtFull, sebuah platform kesihatan mental digital yang berpangkalan di Asia Tenggara bagi membolehkan majikan memberikan penjagaan lebih baik dan sokongan hujung ke hujung terhadap kesejahteraan mental pekerja.

Ketua Pegawai Penyelesaian Korporat AIA Malaysia, Tung Hsiao Ley, berkata pihaknya melihat semakin ramai tenaga kerja terpaksa bergelut dengan masalah kesihatan mental, yang telah

diburukkan lagi oleh pandemik.

“Ia bukan sahaja memudaraskan kesejahteraan emosi individu itu, tetapi turut menjelaskan produktiviti negara.”

“Organisasi yang ingin memupuk persekitaran kerja yang sihat dan gembira untuk pekerja mereka dan pada masa sama te-

rus mendahului persaingan mereka perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam menangani masalah kesihatan mental di tempat kerja,” katanya.

Penyelesaian kesihatan mental ini adalah sebahagian daripada Work Well with AIA, suatu proposisi di bawah Penyelesaian Korporat Menyeluruh (Total Corporate Solutions) syarikat berkenaan yang menawarkan pelbagai penyelesaian dan perkhidmatan bagi membimbing organisasi memupuk dan meningkatkan kesejahteraan pekerja.

Akses digital kepada kesejahteraan mental yang menyediakan akses eksklusif kepada sesi bimbingan harian bersama jurulatih kesihatan mental bertauliah, kandungan pembelajaran kendiri dan penjejak kesejahteraan, bengkel kesejahteraan mental serta talian hotline kese-

jahteraan 24/7 untuk intervensi krisis.

- Perlindungan untuk manfaat kesihatan mental melindungi kos konsultasi, perubatan dan rawatan pekerja yang diberikan oleh pakar psikiatri atau pakar perubatan disebabkan oleh keadaan kesihatan mental, termasuk perlindungan untuk individu tanggungan pekerja dan menawarkan pilihan tanpa tunai atau bayaran balik.

Penyelesaian kesihatan mental ini adalah sebahagian daripada Work Well with AIA, suatu proposisi di bawah Penyelesaian Korporat Menyeluruh (Total Corporate Solutions) syarikat berkenaan yang menawarkan pelbagai penyelesaian dan perkhidmatan bagi membimbing organisasi memupuk dan meningkatkan kesejahteraan pekerja.

“Sebagai salah satu penyedia insurans manfaat pekerja terbesar di negara ini, matlamat AIA ialah untuk menyediakan penyelesaian yang serba lancar bagi meningkatkan tahap kesejahteraan mental tenaga kerja, menghapuskan stigma dan mewujud-



Tung Hsiao Ley

kan ruang yang selamat di tempat kerja sekaligus menggalakkan perbincangan berkaitan kesihatan mental.

“Kami percaya bahawa ia perlu diberikan keutamaan sama seperti tumpuan yang kita berikan terhadap kesihatan fizikal dan oleh kerana itu kami gembira dapat membawakan perkhidmatan inovatif ini kepada pelanggan korporat kami dan pekerja mereka,” tambah Hsiao Ley.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Penyelesaian Kesihatan Mental AIA, sila imbas kod QR di bawah.

